

NO. SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' LINDA TSEN THAU LIN  
[ BATU SAPI ]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan cara untuk melatih pemandu-pemandu pelancongan yang cukup untuk memandu pelancong yang semakin bertambah di negara ini.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kursus Asas Pemandu Pelancong (Tahap 3) dilaksanakan oleh Institut Latihan Pelancongan (ILP) iaitu kursus wajib yang perlu diikuti oleh semua individu yang berhasrat untuk menjadi pemandu pelancong bandar yang sah dan berlesen di Malaysia.

Kursus ini mampu melahirkan pemandu pelancong yang berkualiti dalam menguruskan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia sama ada dalam mahu pun dari luar negara. Sehingga kini, terdapat sejumlah 23 buah ILP berdaftar di Malaysia yang melaksanakan kursus kepada bakal pemandu pelancong. Selain itu, pihak Kementerian turut menerima permohonan tambahan dari institusi dan agensi latihan yang berminat untuk mendaftar sebagai Pusat Bertauliah (PB) dan memohon lesen sebagai ILP.

Tambahan daripada itu, Tourism Malaysia turut memberi pengiktirafan dan anugerah kejayaan kepada pemandu pelancong dan agensi pelancongan di Malaysia sebagai inisiatif dalam meningkatkan lagi prestasi pemandu pelancong agar dapat menampung jumlah pelancong-pelancong yang semakin bertambah di Malaysia.

Sekian, terima kasih.